

KEMPEN ANTIMINYAK SAWIT



- Beberapa negara maju telah melancarkan kempen antiminyak sawit.
- Gerakan antiminyak sawit secara tidak langsung menggugat ekonomi negara sedang membangun, termasuk negara kita.
- Isu ini terpaksa dihadapi oleh Malaysia dan Indonesia.

Minyak sawit menjadi pesaing utama kepada minyak kacang soya hingga menyebabkan kempen antiminyak sawit dilancarkan oleh pengeluar minyak kacang soya, iaitu American Soybean Association (ASA).



- ASA dan NGO Pencinta Alam di Eropah melancarkan gerakan antiminyak sawit bagi membantah serta menyekat penggunaan minyak sawit.
- Bagi ASA, minyak sawit menjejaskan penjualan minyak kacang soya.
- Bagi NGO Pencinta Alam, penanaman kelapa sawit dikatakan menjadi punca pencemaran alam sekitar serta kemusnahan hutan dan habitat haiwan liar.

Malaysia menangani isu ini melalui beberapa cara:

- Kempen secara berterusan.
- Menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan.
- Melalui Pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO).
- Mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak tahun 2019.
- Melaksanakan amalan baik seperti Amalan Pertanian Baik atau Good Agricultural Practices (GAP).

